



PERBADANAN STADIUM MALAYSIA

KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** yang masih sah tempohnya dalam **Gred G1, Kategori Bangunan dan Pengkhususan B27 (Kerja-Kerja Penyelenggaraan dan Pembaikan Sistem Bekalan Air atau Sistem Pembentungan)** dan **Permit D** dari **Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)** bagi menyertai sebut harga berikut:

NO. SEBUT HARGA : PSM/BKEW/S/2020/12

TAJUK SEBUT HARGA : KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MEMASANG SUB-METER AIR BAGI KOLAM RENANG DI PUSAT AKUATIK NASIONAL, KUALA LUMPUR SPORTS CITY DAN COLD WATER METER PADA PAIP AIR UTAMA BANGUNAN AKADEMI BADMINTON MALAYSIA (ABM), KOMPLEKS SUKAN BUKIT KIARA SERTA KERJA-KERJA PEMBAIKAN PAIP PECAH DI BEBERAPA KAWASAN DI KUALA LUMPUR SPORTS CITY

TARIKH IKLAN : 7 JULAI 2020 (SELASA)

TARIKH TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK : 14 JULAI 2020 (SELASA)

MASA TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK : 10.00 PAGI

TEMPAT TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK : LOBI, PUSAT AKUATIK NASIONAL, KUALA LUMPUR SPORTS CITY

TARIKH TUTUP SEBUT HARGA : 21 JULAI 2020 (SELASA)
JAM 12.00 TENGAH HARI

1. Dokumen Meja boleh disemak di **Unit Perolehan, Bahagian Kewangan, Aras 1, Stadium Nasional, Kuala Lumpur Sports City, 57700 Sri Petaling, Kuala Lumpur** pada waktu pejabat bermula 14 Julai 2020 (Selasa).
2. Penyebut harga adalah **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak yang akan diadakan seperti tarikh, masa dan tempat yang telah ditetapkan. Untuk

maksud ini, **hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak berkenaan.** Bagi tujuan pengesahan, Sijil Asal dan Salinan hendaklah dibawa semasa sesi taklimat dan lawatan tapak berserta Cop Syarikat.

3. Dokumen sebut harga boleh diambil bagi penyebut harga yang menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak bermula pada **14 Julai 2020 (Selasa)** di **Unit Perolehan, Bahagian Kewangan, Aras 1, Stadium Nasional, Kuala Lumpur Sports City, 57700 Sri Petaling, Kuala Lumpur.**
4. Setiap penyebut harga hanya dibenarkan mengambil satu (1) Dokumen Sebut harga dan mengemukakan satu (1) tawaran sahaja.
5. Jika tidak hadir sendiri untuk mengambil dokumen, wakil syarikat hendaklah membawa surat pengesahan wakil yang telah ditauliahkan. Dokumen sebut harga akan dikeluarkan kepada wakil-wakil syarikat yang sah sahaja.
6. Penyebut harga hendaklah mencatatkan Tajuk dan No. Sebut harga di sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti di **Unit Perolehan, Bahagian Kewangan, Aras 1, Stadium Nasional, Kuala Lumpur Sports City, 57700 Sri Petaling, Kuala Lumpur tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari pada 21 Julai 2020 (Selasa).** Tawaran yang lewat dikemukakan dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
7. Perbadanan juga tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebut harga.
8. Perbadanan berhak menimbang tiap-tiap satu butiran sebagai satu tawaran yang berasingan atau bersekali.
9. Syarikat hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan sebut harga ini.
10. Syarikat yang memerlukan penjelasan lanjut hendaklah menghubungi pegawai berikut:-

Spesifikasi

- | | |
|---|-------------|
| a) Khairul Iman Yahaya
(iman@stadium.gov.my) | 019-6138700 |
| b) Khairul Anuar Che Ani
(anuar@stadium.gov.my) | 019-2685578 |
| c) M. Fadzlisham Md Zin
(fadzlisham@stadium.gov.my) | 019-3137788 |

Dokumentasi

- | | |
|---|-------------|
| a) Mohamed Shafie bin Abdul Razak
(shafie@stadium.gov.my) | 03-89920850 |
|---|-------------|